

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir -IPDM
Sent: 13 September 2017 16:48
To: UUM - All Staff; UUMstudentgroup
Subject: IPDM REALISASI HUBUNGAN DUA HALA



13 SEPTEMBER 2017 / 22 ZULHIJAH 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)



IPDM ONLINE: Bagi merealisasikan perancangan hubungan dua hala, Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad (IPDM), telah bersama-sama menjayakan *The 3rd International Conference and Call for Paper* bersama Fakulti Hukum, Universitas Islam Sultan Agung (UNISSULA) Semarang, Jawa Tengah, baru-baru ini.

Penganjuran seminar yang bertemakan *“Legal Development in Various Countries”*, memfokuskan kepada kepelbagaian teori dalam pembangunan Undang-undang, serta mengkaji persamaan dan perbezaan undang-undang negara.

Dalam penganjuran seminar yang diadakan di Fakultas Hukum UNISSULA, Pengarah IPDM, PPjR. Dr. Hj. Ahmad Zaharuddin Sani Ahmad Sabri telah dijemput sebagai salah seorang ucap tama.

Seramai 100 orang peserta dari beberapa buah negara telah menyertai seminar ini yang merupakan satu platform kepada pensyarah, penyelidik, golongan profesional dan mahasiswa untuk menghasilkan lebih banyak artikel yang berkaitan undang-undang serta dimuatkan di dalam jurnal antarabangsa yang berindeks Scopus.

Menerusi seminar ini, para peserta turut mendengar ucap tama dari pelbagai negara iaitu Pensyarah Universiti Thammasat Thailand, Prof. Henning Glaser, Pensyarah Universiti Nagoya Jepun, Prof. Shimada Yuzuru dan Pensyarah Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof. Dr. Ruzian Markom.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.